



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Normal (Academic) Level

BAHASA MELAYU

Kertas 3

ORAL EXAMINATION

1197/3

MALAY

Paper 3

SPECIMEN PAPER

With effect from 2024 examination

ARAHAN

1. Peperiksaan Lisan ini terbahagi kepada dua bahagian
 - Bahagian A – Bacaan Lantang
Kamu dikehendaki membaca lantang teks yang diberikan.
 - Bahagian B – Perbualan
Kamu akan menonton klip video. Kemudian, kamu akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
2. Apabila kamu klik '**START**', kamu mempunyai 10 minit untuk meneliti teks karangan dan menonton klip video.



Singapore Examinations and Assessment Board

**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Normal (Akademik)
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu (1197/3)**

BAHAGIAN A: BACAAN LANTANG

Adila sedang khusyuk menggunting kertas pembungkus hadiah yang berwarna-warni mengikut ukuran yang telah ditetapkan. Kotak pelbagai ukuran memenuhi mejanya. Sekali-sekala, dia mengerling ke arah adiknya, Faizul yang sedang membelek-belek kotak-kotak itu.

Terdapat banyak kotak yang dihiasi dengan cantik tersusun rapi di penjuru bilik Adila. Kotak-kotak yang berukuran besar dijadikan tempat menyimpan buku atau majalah. Kotak-kotak yang sederhana besarnya pula dijadikan kotak menyimpan hadiah. Hasil kerja tangan Adila itu akan diletakkan di kedai milik ibu saudara mereka untuk dijual kepada sesiapa sahaja yang berminat.

“Kakak, Faizul lihat banyak juga kerja yang perlu Kakak lakukan. Akan tetapi, harga yang Kakak letakkan terlalu murah. Faizul rasa tidak berbaloilah,” Faizul bersuara.

“Sebenarnya, Kakak melakukan ini sebagai hobi. Selebihnya, Kakak jual. Kakak sengaja meletakkan harga yang murah agar orang ramai tertarik untuk membelinya. Lagipun, Kakak ingin menyedarkan orang ramai tentang pentingnya amalan mengitar semula,” jawab Adila.

Sememangnya, Faizul kagum akan kesungguhan kakaknya itu.

**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Normal (Akademik)
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu (1197/3)**

(Untuk kegunaan Pemeriksa Lisan sahaja)

BAHAGIAN B: PERBUALAN

Rangsangan:

1. Jika kamu pergi ke tempat makan seperti yang dipaparkan dalam video ini, apakah yang akan kamu lihat?
2. Pada pendapat kamu, mengapakah masyarakat Singapura gemar makan di luar?
3. Bagaimanakah pengalaman menjamu selera di pusat-pusat makanan boleh dijadikan lebih seronok?

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.